

Program Barisan bina masa depan gemilang

KUALA LUMPUR, Jumaat — Barisan Nasional mempunyai banyak program yang hendak dilaksanakan bagi membina masa depan Malaysia yang lebih gemilang dan bahagia.

Menurut manifesto Barisan Nasional 1982 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, matlamat-matlamat utama dari perjuangannya akan diteruskan.

"Dasar-dasar yang mencerminkan hasrat

dan idaman kita tidak berubah," tegas manifesto tersebut.

Kesemuanya terdapat 29 janji dan ikrar yang dibentangkan oleh Barisan Nasional di dalam manifesto tersebut, iaitu:

Berusaha

● Kita mendukung prinsip-prinsip Rukunegara.

● Kita akan terus berusaha mempertahankan nilai-nilai keagamaan dan sosial yang tinggi dan mulia di kalangan masyarakat kita.

● Kita akan terus menjamin kedudukan agama Islam dan mempertinggi pendidikan Islam untuk menjadi pegangan hidup sambil memelihara kebebasan beragama sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

● Kita akan terus menjunjung keluhuran undang-undang.

● Kita akan terus berusaha menambahkan lagi kekayaan negara untuk faedah seluruh rakyat.

● Kita akan memberi tanah di mana ada tanah dan jika diperlukan.

● Kita akan terus menggalakkan perkembangan sektor swasta dan usaha perindustrian.

● Kita akan terus memajukan kepentingan bela.

● Kita akan meneruskan ikhtiar memajukan dasar aman, bebas dan berkecuali bagi Tenggara Asia.

● Kita akan terus menentang dengan habis-habisan penganas-penganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional di mana-mana sahaja.

● Kita akan terus menentang apa jua bentuk pelampau.

● Kita akan terus memerangi dadah secara besar-besaran.

● Kita akan meneruskan usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdikari di lapangan ekonomi.

● Kita akan terus berusaha memajukan perindustrian di Malaysia dan bukan hanya menitikberatkan industri berat tetapi juga perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

● Kita akan meneruskan usaha menyemai etika kerja yang baik dan menentukan supaya rakyat bersikap rajin dan usaha.

● Kita akan terus membina satu bangsa Malaysia yang berdisiplin, dari segi intelek, jasmaniah dan rohaniah.

Memerangi

● Kita akan berusaha memelihara hubungan-hubungan keluarga tradisional dan menanamkan sikap menghormati orang tua-tua.

● Kita akan terus memerangi rasuah dan keruntuhan akhlak.

● Kita akan terus memerangi inflasi.

● Kita akan terus berusaha menambah peluang pekerjaan untuk mengatasi masalah pengangguran.

● Kita akan terus melindungi kepentingan pekerja dan memelihara supaya mereka bebas daripada dieksploitasikan.

● Kita akan terus membina lebih banyak rumah kos rendah bagi memenuhi kehendak rakyat.

● Kita akan terus memperluas kemudahan-kemudahan kesihatan.

● Kita akan terus memperbesar sistem bekalan air, elektrik, telefon, jalan, jambatan dan saluran selokan.

● Kita akan terus memajukan sektor pertanian dan kehutanan.

● Kita akan menjamin bahawa rakyat akan menikmati faedah daripada kekayaan sumber alam negara yang dianugerahi Allah s.w.t.

● Kita akan memerangi kemiskinan di mana sahaja, khususnya golongan-golongan yang ditamatkan termasuklah: Penanam padi, peladang kecil, nelayan, buruh ladang dan lombong, penduduk perkampungan baru, orang miskin di desa dan di bandar, buruh pertanian dan petani pindah, peniaga kecil dan penjaja.

● Kita akan melakukan segala apa yang terdapat untuk menjamin keadilan dan mutu kehidupan yang lebih baik bagi semua rakyat Malaysia.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2611
No. Penerimaan 356/85